



Citra

Isnin | 4 November 2013 | www.sinarharian.com.my/rencana

Kembara di bumi Jepun

MUNGKIN, setakat enam hari berseminar di Jepun bukan masa mencukupi kerana banyak sumber inspirasi ketamadunan di negara Matahari Terbit itu.

Bagaimanapun penulis ingin berkongsi pengalaman ketika berkunjung ke sana baru-baru ini menerusi program misi pengajian

media mengenai inovasi pertanian Jepun anjuran Pertubuhan Produktiviti Asia (APO).

Seramai 16 wakil media serata Asia terlibat dan Malaysia diwakili penulis (Sinar Harian) dan seorang wartawan bebas, Lorena Binisol dari Sabah.

Sesungguhnya, begitu seronok kembara melihat ketamadunan pertanian di bumi Matahari Terbit.



ANITA ABU HASAN anita@sinarharian.com.my

Inspirasi tamadun pertanian

KEMBARA SAMBIL BELAJAR DI BUMI JEPUN



Bendang padi di Jepun bersih dan sedap mata memandangi.

Tanggal 8 September 2013, sekitar 11 pagi tiba di Narita, Tokyo. Sambil dengar pengumuman juruterbang, penulis intai luar tingkap. Pemandangan bumi Jepun dari pandangan atas sangat cantik. Di sinilah, bermula inspirasi mengejar ilmu di Jepun. Penulis, memang sudah lama teringin hendak tengok Jepun. Orang kata warga Jepun sopan santun, berbudi bahasa tinggi, bijak, cantik belaka dan negaranya bersih.

PELAJARAN PERTAMA DI MUZIUM PENYELIDIKAN PERTANIAN

Seperti tujuan seminar untuk memperlihatkan inovasi pertanian Jepun, lawatan di sini beri peluang kita lihat peringkat inovasi mereka ke arah dunia robotik dalam pertanian. Bayangkan, jika dulu petani Jepun guna peralatan tradisional dan membajak tanah guna haiwan, kini Jepun guna teknologi robot dan pengkomputeran. Antara boleh dilihat ialah model robot memetik buah strawberi dan juga jentera Kubota lengkap berhawa dingin persis kereta biasa. Seterusnya, kami diberitahu oleh pembantu perhubungan awam muzium, Yuko Itoh bahawa inovasi teknologi perlu dalam usaha menghasilkan produk pertanian lebih tahan dan berkualiti sekali gus mempertingkatkan petani supaya dianggap sebagai kerjaya profesional.

Makin ingin tahu mengenai perkembangan pertanian di Jepun ketika mengunjungi kilang memproses sayuran beku dan pusat kitar semula biomas di Wagoen, Chiba.

Sejak dua tahun kebelakangan ini, pengeluaran sayur beku dan siap potong sangat tinggi di negara itu kerana warga Jepun sentiasa sibuk maka bidang pertanian mencari alternatif bagi memudahkan mereka memasak. Caranya dengan meningkatkan pengeluaran sayur beku dan siap potong. Di Wagoen, kita dapat lihat teknologi memproses sayur beku yang bersih dan selamat dimakan.

Tiba-tiba minat bertani menerpa selepas berkunjung ke pusat penyelidikan pertanian di Chiba Universiti, Chiba.

Mana tidaknya, di sini kita boleh lihat pertanian berkonsep rumah hijau yang berjaya dibangunkan Jepun yang mana kaedah pertanian ini bertujuan memelihara alam sekitar.

Produk pertanian dapat, alam sekitar terpelihara. Menariknya, sebuah alat seperti peti sejuk untuk menanam sayur direka khas. Jika banyak wang, penulis hendak beli sebuah dan bawa balik untuk tanam sayur kailan kesukaan penulis.



Penulis (depan, lima dari kiri) bersama Datuk Bandar Fuefuki, Seiji Kurashima (tengah) dan Pengarah Pertubuhan Produktiviti Asia, Joselito Bernardo (depan, lima dari kanan) ketika lawatan ke bandar pertanian Fuefuki.



Yuko (kanan) beri penerangan kepada deligasi tentang inovasi pertanian.



Bunga segar boleh dibeli guna sistem bida.

JENGAH LOKASI MENARIK

Kemudian kami dibawa mengunjungi kedai-jual terus buah dan sayur segar wilayah Fuefuki. Di sini, anda pasti teruja beli anggur yang dijual hanya sekitar 250 hingga 400 Yen sepeket.

Di Tokyo, lantai pasar tidak ada setitis air bahkan bersih persis lantai rumah. Inilah sikap warga Jepun yang mengamalkan kebersihan.

Selain menikmati warna-warni bunga, kita pastinya hairan melihat sebuah pasar bunga urban yang menjalankan urusan penjualan bunga secara sistem bida. Cukup hebat kerana pasar dikelilingi komputer. Menariknya, peniaga cuma tempah bunga dan tunggu sahaja kotak bunga itu sampai di hujung mesin.

Sementara itu, sesiapa yang berhajat hendak jadi petani boleh berkunjung ke Kebun Mori Tora iaitu sebuah kebun dalam bandar raya Tokyo. Caranya, kita sewa tanah di situ dengan harga kira-kira 1000 Yen dan boleh tanam apa sahaja sayur selama sembilan bulan. Kemudian anda boleh petik sendiri. Inilah trend masa kini warga Jepun kerana selain untuk variasi pertanian, ia juga mengisi masa lapang secara sihat dan bijak yang diamalkan penduduk Jepun.

Bukan calang-calang kerana kebun



Bersantai di hadapan, Tokyo Sky Tree.

urban seperti ini juga dibina di atas bumbung bangunan tinggi. Kami sempat mengunjungi Soradofarm di atas bumbung Bangunan Stesen Ebisu. Cukup cantik. Menurut Jepun, selain untuk aktiviti masyarakat, ia juga untuk mengekalkan penjagaan alam sekitar dan menghijaukan bumi Jepun.

Seterusnya, penulis ke Tokyo Sky Tree yang merupakan menara peniaran tertinggi di dunia dengan ketinggian penuh 634 meter. Sejak dibuka umum pada Mei 2012, ia menjadi mercu tanda Tokyo dan tumpuan pelancong domestik dan luar. Di kaki menara terdapat restoran dan ramai pelancong gemar lepak di sini.

ASAKUSA DAN AKIHABARA

Kemudian penulis ke Asakusa. Bukan untuk melawat kuil terkenal di situ, tetapi hendak menikmati suasana pekan yang bersebelahan sungai Sumida, tempat bermulanya tamadun di Tokyo.

Dari Tokyo Sky Tree mengambil masa kurang setengah jam berjalan kaki ke Asakusa. Seronok bersiar-siar di pekan Asakusa yang nyaman dan kebetulan penulis ke sana pada waktu malam.

Suasana malam cukup cantik. Di sini, ada orang ambil upah tarik beca di mana beberapa pemuda gagah akan tarik sambil berlari bawak penumpang di atas beca.

Selepas itu, penulis ke Akihabara. Di sini tempat kegilaan si kaki gajet dan penulis membeli sebuah kamera untuk kegunaan sebagai wartawan. Tidak boleh diungkap dalam tulisan tetapi lawatan sambil belajar di Jepun cukup memberi manfaat.

Sesiapa yang berminat untuk berkongsi pengalaman melancong di dalam dan luar negara, sila emailkan kepada roshlawaty@sinarharian.com.my Setiap artikel yang disiarkan, akan mendapat cenderahati daripada Grup Buku Karangkrak.